

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [ JERAJ ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan status terkini MyBrain, adakah telah dihentikan atau ditambah peruntukan bagi meringankan pengajian pelajar yang terlibat.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Program MyBrain15 telah mula dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada 1 Disember 2010 di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan diteruskan pelaksanaannya dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Sepanjang tempoh tersebut, Program MyBrain15 telah berjaya menaja seramai 56,910 orang pelajar untuk mengikuti program di peringkat pascasiszawah.

Kajian Impak MyBrain (2011 – 2015) yang dilaksanakan oleh Majlis Dekan Pengajian Siswazah UA mendapati bahawa program ini telah memberikan impak yang positif serta signifikan kepada peningkatan kebolehpasaran graduan, perkembangan kerjaya dan peningkatan taraf hidup mereka. Berdasarkan situasi ini, KPT telah mencadangkan supaya Program MyBrain15 ini dijadikan sebagai satu daripada program berimpak tinggi KPT di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12, 2021 – 2025). KPT masih dalam perbincangan dengan pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri agar cadangan ini dapat dipertimbangkan pelaksanaannya dalam *Rolling Plan* Kedua RMKe-12. Mengikut cadangan, program ini akan dilaksanakan melalui dua kohort, iaitu kohort pertama pada suku pertama tahun 2022 dan kohort kedua pada suku pertama tahun 2023. KPT mensasarkan seramai

3,800 pelajar (1,900 pelajar setiap kohort) di peringkat Sarjana dan 7,000 pelajar (3,500 pelajar setiap kohort) di peringkat PhD untuk ditawarkan biasiswa di bawah Program MyBrain15 ini.

Program MyBrain15 yang baharu ini akan turut menawarkan penajaan kepada 2,000 Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) untuk mengikuti Program Pentauliahahan Profesional. Ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti tenaga pengajar Politeknik dan Kolej Komuniti seterusnya merapatkan jurang pengetahuan dan kemahiran teknologi terkini antara pihak PPPT dan industri.

Bagi memastikan pelaksanaan Program MyBrain15 mencapai kejayaan sebagaimana yang dihasratkan, beberapa penambahbaikan dalam kaedah pelaksanaan program ini telah dirangka. Ini termasuk:

- (i) Proses saringan pemilihan pelajar yang berdasarkan kepada kelayakan akademik, proses temu duga, kertas cadangan penyelidikan dan ujian penilaian psikometrik; dan
- (ii) Menambah baik sistem sedia ada bagi memudahkan proses pemantauan, penyeliaan dan pengesanan pelajar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL  
[KULIM-BANDAR BHARU]**

**SOALAN**

**DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [ KULIM-BANDAR  
BHARU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status semasa hutang Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan pengiraan had statutori, nisbah hutang Kerajaan Persekutuan yang merangkumi instrumen Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS), Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB) mencatat 56.6% daripada KDNK, masih di bawah had statutori 60% yang ditetapkan.

2. Secara umumnya, Kerajaan bertanggungjawab untuk memastikan pembiayaan semula hutang Kerajaan Persekutuan dilaksanakan secara teratur mengikut jadual. Dalam situasi krisis pandemik COVID-19 yang masih berlarutan ini, Kerajaan akan memberi tumpuan terhadap pemulihan ekonomi terutamanya menyokong aktiviti perniagaan dan memelihara kesejahteraan rakyat. Setelah ekonomi kembali pulih, Kerajaan akan kembali melaksanakan langkah konsolidasi fiskal dan inisiatif pengukuhan kedudukan fiskal kerajaan dalam usaha memastikan paras pendedahan hutang dan liabiliti kewangan Kerajaan Persekutuan kekal terkawal dan terurus. Sekian, terima kasih.